

45/1
Pendidikan Islam
Kertas 1
Ogos
2012
2 jam



MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA
CAWANGAN MELAKA

PEPERIKSAAN PERCUBAAN TINGKATAN TIGA
TAHUN 2012

PENDIDIKAN ISLAM

Kertas 1

Dua jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: Bahagian A dan Bahagian B.*
2. *Jawab satu soalan daripada Bahagian A dan semua soalan dalam Bahagian B.*
3. *Jawapan anda hendaklah ditulis dalam kertas jawapan.*

Kertas soalan ini mengandungi 7 halaman bercetak

45/1

[Lihat sebelah]

Bahagian A
[20 markah]

Bahagian ini mengandungi **dua** soalan. Jawab **satu** soalan sahaja.

1. (a) Firman Allah SWT:

وَهُوَ الَّذِي يُرْسِلُ الرِّيحَ بُشْرًا بَيْنَ يَدَيْ رَحْمَتِهِ ۗ حَتَّىٰ إِذَا أَقَلَّتْ سَحَابًا بِقَالًا سُقِنَهُ لِبَلَدٍ مَّيِّتٍ فَأَنْزَلْنَا بِهِ الْمَاءَ فَأَخْرَجْنَا بِهِ مِنْ كُلِّ الثَّمَرَاتِ ۗ كَذَٰلِكَ نُخْرِجُ الْمَوْتَىٰ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٥٧﴾
وَالْبَلَدُ الطَّيِّبُ يَخْرُجُ نَبَاتُهُ بِإِذْنِ رَبِّهِ ۗ وَالَّذِي خُبَّتْ لَا يَخْرُجُ إِلَّا نَكْدًا ۗ كَذَٰلِكَ نُصَرِّفُ الْآيَاتِ لِقَوْمٍ يَشْكُرُونَ ﴿٥٨﴾
(سورة الأعراف : 57-58)

Ayat di atas menjelaskan tentang Allah SWT berkuasa menghidupkan semula manusia selepas mati.

- (i) پاتاکن فغرتین کلمة برکاریس. [2 markah]
- (ii) Berdasarkan ayat di atas, nyatakan **dua** bukti kekuasaan Allah SWT. [2 markah]
- (iii) Jelaskan **dua** persediaan yang perlu dilakukan oleh setiap mukmin untuk menghadapi mati. [2 markah]
- (iv) Awan dan hujan merupakan rahmat Allah SWT kepada manusia dan alam. Nyatakan **dua** faedah hujan. [4 markah]

(b) Sabda Rasulullah SAW:

عَنْ أَبِي بَكْرٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ (س) قَالَ : أَعْدُ عَالِمًا أَوْ مُتَعَلِّمًا أَوْ مُسْتَمِعًا أَوْ مُجِبًّا وَلَا تَكُنْ الْخَامِسَةَ فَتُهْلِكَ
(رواه الطبراني)

Hadis di atas menyuruh umat Islam mengambil berat terhadap ilmu pengetahuan.

- (i) Berdasarkan hadis, nyatakan **dua** galakan Rasulullah SAW. [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** kelebihan orang yang berilmu. [4 markah]

- (c) Tulis perkataan yang bergaris mengikut nombor dalam petikan di bawah menggunakan tulisan jawi.

(i) Beriman kepada qadak qadar dapat memberikan kekuatan kepada seseorang
(ii)
(iii) menempuh cabaran hidup. Keimanan ini juga mendorong manusia bekerja
(iv) kuat kerana qadak dan qadar yang akan berlaku tidak diketahuinya.

[4 markah]

2. (a) Firman Allah SWT.:

وَلَنَبْلُوَنَّكُمْ بِشَيْءٍ مِّنَ الْخَوْفِ وَالْجُوعِ وَنَقْصٍ مِّنَ الْأَمْوَالِ وَالْأَنْفُسِ وَالثَّمَرَاتِ
وَنَشِيرِ الصَّابِرِينَ ﴿١٥٦﴾ الَّذِينَ إِذَا أَصَابَتْهُمُ مُصِيبَةٌ قَالُوا إِنَّا لِلَّهِ وَإِنَّا إِلَيْهِ رَاجِعُونَ ﴿١٥٥﴾
(سورة البقرة: 155-156)

Ayat di atas menjelaskan tentang ujian Allah SWT kepada manusia.

- (i) پاتاكن فغرتين كلمة بركاريس. [2 markah]
(ii) Berikan dua bentuk ujian Allah SWT berdasarkan ayat. [2 markah]
(iii) Nyatakan dua tujuan Allah SWT menguji manusia dengan pelbagai ujian. [2 markah]
(iv) Jelaskan dua perkara yang perlu dilakukan apabila seseorang menerima musibah. [4 markah]

(b) Sabda Rasulullah SAW :

عَنْ أَبِي سَعِيدٍ الْخُدْرِيِّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ (ص) يَقُولُ: مَنْ رَأَى
مِنْكُمْ مُنْكَرًا فَلْيُغَيِّرْهُ بِيَدِهِ فَإِنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فَبِلِسَانِهِ فَإِنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فَبِقَلْبِهِ وَذَلِكَ
أَضْعَفُ الْإِيمَانِ.
(رواه مسلم)

Hadis di atas menerangkan tentang tuntutan mencegah kemungkaran.

(i) Berikan cara mencegah kemungkaran dengan menggunakan hati. [2 markah]

(ii) Jelaskan **dua** hikmat mencegah kemungkaran terhadap masyarakat. [4 markah]

(c) Tulis semula petikan di bawah menggunakan tulisan jawi.

Umat Islam perlulah bekerjasama untuk melaksanakan dakwah dalam pelbagai
cara supaya objektif yang diharapkan dapat dicapai.

[4 markah]

Bahagian B

[80 Markah]

Jawab semua soalan

3. (a) (i) Nyatakan pengertian akidah mengikut istilah syarak. [2 markah]

(ii) Jelaskan **dua** tujuan mempelajari ilmu akidah. [4 markah]

(b) (i) *Al-Alim* ialah antara *al-Asma 'al-Husna* (Nama-nama Allah yang indah).
Apakah yang dimaksudkan dengan *Al-Alim*? [2 markah]

(ii) Nyatakan **dua** amalan yang bertentangan dengan sifat *Al-Alim*. [4 markah]

(c) (i) *Ismaturrasul* (Maksum) diberikan kepada semua rasul pilihan Allah SWT.
Nyatakan **dua** hikmah rasul bersifat maksum. [4 markah]

(ii) Berikan jenis - jenis mukjizat. [2 markah]

(iii) Nyatakan tujuan Allah mengurniakan mukjizat kepada para Rasul. [2 markah]

4. (a) (i) Jadual 1 di bawah berkaitan dengan rukun wuduk.

| Rukun Wuduk | |
|-------------|---|
| 1 | Niat |
| 2 | X |
| 3 | Basuh ke dua belah tangan hingga ke siku |
| 4 | Y |
| 5 | Basuh ke dua belah kaki hingga ke buku lali |
| 6 | Tertib |

Jadual 1

Lengkapkan Jadual 1 dengan rukun wuduk. [2 markah]

(ii) Nyatakan **dua** perbezaan antara wuduk dan tayamum. [4 markah]

(iii) Jelaskan **dua** hikmah wuduk. [4 markah]

(b) (i) Apakah maksud solat sunat Aidiladha? [2 markah]

(ii) Nyatakan **dua** amalan sunat sebelum menunaikan solat sunat Aidiladha. [2 markah]

(iii) Jelaskan kepentingan takbir raya terhadap umat Islam. [2 markah]

Soalan 4 (c) berdasarkan jadual 2 di bawah

| Sunat | Makruh | Harus | Haram | Wajib |
|-------|--------|-------|-------|-------|
|-------|--------|-------|-------|-------|

Jadual 2

(c) Berdasarkan Jadual 2, nyatakan hukum bagi situasi berikut:

(i) Fatanah merasa makanan dengan lidah ketika dia sedang berpuasa. [1 markah]

(ii) Zulhilmi melakukan solat sambil duduk kerana kakinya sakit. [1 markah]

(iii) Encik Yusuf mengeluarkan zakat fitrah setelah terbenam matahari 1 Syawal. [1 markah]

(iv) Abdullah berwuduk sebelum mandi wajib. [1 markah]



5. (a) Saidatina Khadijah binti Khuwailid merupakan wanita pertama yang memeluk Islam. Senaraikan **empat** sifat mulia beliau. [4 markah]
- (b) Saidina Hamzah bin Abdul Motalib r.a merupakan pejuang Islam yang terbilang. Nyatakan **dua** keistimewaan beliau. [4 markah]
- (c) Perjanjian Hudaibiah merupakan kunci peristiwa Pembukaan Kota Mekah.
- (i) Nyatakan maksud Perjanjian Hudaibiah. [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** hikmah Perjanjian Hudaibiah. [4 markah]

Soalan 5 (d) (i) dan (ii) berdasarkan jadual 3 di bawah.



| | | | | | |
|-----------------|----------------|-----------|-------------|--------------------|-----------------------|
| قُلِ اللَّهُمَّ | قَدْ تَبَيَّنَ | الْمَلِكِ | بِالطَّبْعِ | بِيَدِكَ الْخَيْرُ | لَا أَنْفِصَامَ هَذَا |
| (1) | (2) | (3) | (4) | (5) | (6) |

Jadual 3

- (d) Berdasarkan jadual di atas, isi tempat kosong di bawah dengan jawapan yang betul. Anda dikehendaki menulis nombor jawapan sahaja.

- (i)  لَا إِكْرَاهَ فِي الدِّينِ (P) — الرُّشْدُ مِنَ الْغَيِّ فَمَنْ يَكْفُرْ (Q)
وَيُؤْمِنُ بِاللَّهِ فَقَدِ اسْتَمْسَكَ بِالْعُرْوَةِ الْوُثْقَى (R) وَاللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ 

[3 markah]

- (ii)  مَلِكِ الْمَلِكِ تُؤْتِي الْمَلِكَةَ مِنْ تَشَاءُ وَتَنْزِعُ (T) مِمَّنْ تَشَاءُ وَتُعِزُّ
مَنْ تَشَاءُ وَتُذِلُّ مَنْ تَشَاءُ (U) إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ 

[3 markah]

6. (a) (i) Nyatakan **dua** amalan yang menyalahi adab pergaulan dengan ahli keluarga. [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** usaha menjaga keharmonian keluarga. [4 markah]
- (b) (i) Mengapakah seseorang itu wajib beradab ketika beribadat kepada Allah SWT. [2 markah]
- (ii) Apakah akibatnya sekiranya seseorang itu melakukan ibadat tanpa beradab. [2 markah]

Soalan (c) adalah berdasarkan gambar di bawah.



Gambar 1

- (c) Gambar 1 menunjukkan beberapa orang pekerja yang sedang menjalankan tugas mereka.
- (i) Nyatakan **dua** adab yang perlu diamalkan semasa bertugas. [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** sikap negatif yang mesti dielakkan semasa bertugas. [4 markah]
- (iii) Terangkan **dua** kelebihan terhadap individu yang bertanggungjawab semasa bertugas. [4 markah]

SOALAN TAMAT

45/1
Pendidikan Islam
Kertas 1
Peraturan Pemarkahan
Ogos
2012



**MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA
CAWANGAN MELAKA**

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN TINGKATAN TIGA
TAHUN 2012**

PENDIDIKAN ISLAM

Kertas 1

UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

PERATURAN PEMARKAHAN

| Soalan | | | Contoh jawapan | Markah |
|--------|-----|-------|---|--------------------|
| 1. | (a) | (i) | Makna kalimah bergaris - Angin - Bersyukur | 2 isi x 1m = 2m |
| | | (ii) | Bukti Allah SWT berkuasa menghidupkan semula manusia: - Angin pembawa berita gembira - Awan dan hujan pembawa rahmat - Tanah gersang menjadi subur - Allah berkuasa menghidupkan makhluk - Allah berkuasa mematikan makhluk | 2 isi x 1m = 2m |
| | | (iii) | Dua persediaan yang perlu dilakukan oleh setiap mukmin untuk menghadapi mati: - Melakukan ibadah wajib - Meningkatkan amalan sunat - Membelanjakan harta ke jalan kebaikan - Melakukan amalan soleh - Mengamalkan akhlak mahmudah - Amar makruf nahi mungkar Jawapan munasabah diterima | 2 isi x 1m = 2m |
| | | (iv) | Dua faedah kejadian hujan: - Dapat menyuburkan tanaman - Menghidupkan pelbagai tumbuhan - Menjadi keperluan semua benda hidup - Menjadi sumber minuman - Untuk mandi , bersuci, wuduk dan sebagainya - Untuk menjana hidroelektrik Jawapan munasabah diterima | 2 isi x 2m = 4m |
| | (b) | (i) | Dua galakan Rasulullah SAW: - Galakan menjadi guru - Galakan menjadi pelajar - Galakan menjadi pendengar ilmu - Galakan menjadi pencinta ilmu | 2 isi x 1m = 2m |
| | | (ii) | Dua faedah orang yang berilmu - Dihormati oleh masyarakat - Dikasihi Allah SWT - Dapat membezakan antara yang hak dan batil - Diangkat darjatnya di sisi Allah SWT - Dapat memberi sumbangan kepada masyarakat dan negara - Menjadi rujukan masyarakat - Tidak mudah ditipu Jawapan munasabah diterima | 2 isi x 2m = 4m |

| Soalan | | Contoh jawapan | Markah |
|--------|-----|--|---|
| | (c) | <p>Menjawab:</p> <p>بريمان كقد قضاء قدر - i</p> <p>ميريكن كقواتن كقد سساورغ - ii</p> <p>كايمنن اين جوك مندوروغ - iii</p> <p>اكن برلاكو تيدق دكتاهوين - iv</p> <p>Huruf tunggal tidak diterima. Ejaan DBP sahaja.</p> | <p>Jika betul :</p> <p>1 - 4 perkataan = 1 markah</p> <p>5 - 8 perkataan = 2 markah</p> <p>9 - 12 perkataan = 3 markah</p> <p>13- 16 perkataan = 4 markah</p> |
| 2. | (a) | (i) Makna kalimah bergaris <ul style="list-style-type: none"> - Takut - Orang-orang yang sabar | 2 isi x 1m = 2m |
| | | (ii) Dua bentuk ujian Allah SWT <ul style="list-style-type: none"> - Perasaan takut dan gerun kepada musuh - Kelaparan/kebuluran - Kehilangan harta benda - Kekurangan hasil tanaman - Kegawatan ekonomi - Kematian orang yang disayangi | 2 isi x 1m = 2m |
| | | (iii) Dua tujuan Allah SWT menguji manusia <ul style="list-style-type: none"> - Untuk menguji keimanan seseorang - Untuk menguji kesabaran seseorang - Untuk menguji ketaatan seseorang - Menggalakkan manusia berlumba-lumba melakukan kebajikan - Membezakan di antara orang yang benar-benar beriman dan sebaliknya. | 2 isi x 1m = 2m |
| | | (iv) Dua perkara perlu dilakukan apabila seseorang menerima musibah: <ul style="list-style-type: none"> - Bersabar dan bertawakkal - Mengucapkan 'innalillahi wa inna ilaihi rajiun' - Berdoa memohon pertolongan kepada Allah - Berusaha untuk menyelesaikan masalah - Redha dengan ketentuan Allah. - Tidak menyalahkan nasib diri - Tidak berputus asa dan kecewa. | 2 isi x 2m = 4m |
| | (b) | (i) Cara mencegah kemungkaran dengan menggunakan hati : <ul style="list-style-type: none"> - Membenci kemungkaran tersebut - Menjauhkan diri daripada tempat kemungkaran tersebut | 1 isi x 2m = 2m |

| Soalan | | Contoh jawapan | Markah | |
|--------|------|---|---|----------------------------|
| | (ii) | <p>Dua hikmat mencegah kemungkaran terhadap masyarakat</p> <ul style="list-style-type: none"> - Melahirkan masyarakat yang prihatin - Melahirkan masyarakat yang berakhlak cemerlang - Melahirkan masyarakat yang hidup aman damai dan sejahtera - Dapat membendung gejala sosial. - Dipandang tinggi oleh masyarakat lain <p>Jawapan munasabah diterima.</p> | <p>2 isi x 2m = 4m</p> | |
| | (c) | <p>Menjawabkan :</p> <p style="text-align: center;">اومت إسلام قزلوله بكر جاسام اونتوق ملقسناكن دعوه دالم قلبا كاي چارا سوفايا اوبجيكثيف يث دهارفكن دافت دچاقاي</p> <p>Huruf tunggal tidak diterima. Ejaan DBP sahaja.</p> | <p>Jika betul :</p> <p>1 - 4 perkataan = 1 markah</p> <p>5 - 8 perkataan = 2 markah</p> <p>9 - 12 perkataan = 3 markah</p> <p>13- 16 perkataan = 4 markah</p> | |
| 3. | (a) | (i) | <p>Pengertian akidah mengikut istilah syarak :</p> <ul style="list-style-type: none"> - Kepercayaan dan keyakinan yang mantap tentang kewujudan Allah SWT serta sifat – sifat kesempurnaannya. | <p>1isi x 2m = 2m</p> |
| | | (ii) | <p>Dua tujuan mempelajari ilmu akidah :</p> <ul style="list-style-type: none"> - Memantapkan keimanan dan keyakinan di dalam hati tentang kewujudan Allah. - Dapat mengenal ajaran akidah yang salah. - Menjaga iman supaya selamat di dunia dan akhirat. - Mempertahankan akidah daripada diresapi oleh ajaran yang menyeleweng. - Mengelak fahaman sesat dan segera kembali kepada pegangan sebenar yang berlandaskan al-Quran dan as-Sunnah. - Pelajar akan lebih mengasihi, menyayangi dan mentaati kedua dua ibu bapa. - Pelajar akan lebih bermotivasi untuk mempelajari dan menghayati ajaran Islam. | <p>2 isi x 2m = 4m</p> |
| | (b) | (i) | <p>Maksud Al-Alim :</p> <ul style="list-style-type: none"> - Maha Mengetahui, Allah SWT mengetahui segala-galanya. Tiada sesuatu yang tersembunyi daripada ilmu / pengetahuan Allah SWT. | <p>1 isi x 2m = 2m</p> |

| Soalan | | Contoh jawapan | Markah | | | | | | | | | | | | |
|-----------------------------------|--|---|-----------------|---------|------------|-------------|---------------------------|----------------------------------|-----------------------------------|--|-------------|-------------|---------------------|-----------------------|-----------------|
| | (ii) | Dua amalan yang bertentangan dengan sifat al - Alim : <ul style="list-style-type: none"> - Belajar secara sambil lewa. - Bersikap takbur dan sombong apabila memiliki ilmu. - Tidak jujur dalam melakukan kebaikan. - Memandang ringan terhadap dosa dan kemungkaran. - Tidak suka memberi sumbangan ilmu dan kemahiran untuk orang lain. | 2 isi x 2m = 4m | | | | | | | | | | | | |
| | (c) (i) | Dua hikmah rasul bersifat maksum : <ul style="list-style-type: none"> - Menjamin kewibawaan para nabi dan rasul. - Menjadi contoh teladan kepada manusia dalam semua aspek kehidupan - Meyakinkan manusia tentang kebenaran risalah yang dibawa. - Memelihara kemuliaan dan keaslian wahyu daripada perubahan dan penyelewengan. - Menolak hujah orang yang mengingkari ajaran rasul. | 2 isi x 2m = 4m | | | | | | | | | | | | |
| | (ii) | Jenis – jenis mukjizat : <ul style="list-style-type: none"> - Mukjizat Hissi. - Mukjizat Maknawi. | 2 isi x 1m = 2m | | | | | | | | | | | | |
| | (iii) | Tujuan Allah mengurniakan mukjizat kepada para rasul : <ul style="list-style-type: none"> - Bukti kekuasaan Allah SWT. - Membenarkan kenabian dan kerasulan nabi-nabi dan rasul-rasul. - Membuktikan kebenaran risalah yang dibawa. - Memuliakan para rasul. - Menolong para rasul. - Melemahkan musuh-musuh Allah. - Meyakinkan orang kafir akan kebenaran Islam dan mendorong mereka agar memeluk Islam. - Menjawab soalan dan menyahut cabaran. - Meyakinkan umat Islam sendiri akan kebenaran agama mereka. | 1 isi x 2m = 2m | | | | | | | | | | | | |
| 4. | (a) (i) | X - Basuh muka Y - Menyapu sebahagian kepala | 2 isi x 1m = 2m | | | | | | | | | | | | |
| | (ii) | Perbezaan antara wuduk dan tayamum : <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th style="width: 50%;">Wuduk</th> <th style="width: 50%;">Tayamum</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Dengan air</td> <td>Dengan debu</td> </tr> <tr> <td>Boleh sebelum masuk waktu</td> <td>Mengambilnya setelah masuk waktu</td> </tr> <tr> <td>Boleh beberapa ibadah fardu/wajib</td> <td>1 tayamum hanya untuk 1 ibadah fardu/wajib</td> </tr> <tr> <td>Ada 6 rukun</td> <td>Ada 4 rukun</td> </tr> <tr> <td>Anggota wuduk ada 4</td> <td>Anggota tayamum ada 2</td> </tr> </tbody> </table> | Wuduk | Tayamum | Dengan air | Dengan debu | Boleh sebelum masuk waktu | Mengambilnya setelah masuk waktu | Boleh beberapa ibadah fardu/wajib | 1 tayamum hanya untuk 1 ibadah fardu/wajib | Ada 6 rukun | Ada 4 rukun | Anggota wuduk ada 4 | Anggota tayamum ada 2 | 2 isi x 2m = 4m |
| Wuduk | Tayamum | | | | | | | | | | | | | | |
| Dengan air | Dengan debu | | | | | | | | | | | | | | |
| Boleh sebelum masuk waktu | Mengambilnya setelah masuk waktu | | | | | | | | | | | | | | |
| Boleh beberapa ibadah fardu/wajib | 1 tayamum hanya untuk 1 ibadah fardu/wajib | | | | | | | | | | | | | | |
| Ada 6 rukun | Ada 4 rukun | | | | | | | | | | | | | | |
| Anggota wuduk ada 4 | Anggota tayamum ada 2 | | | | | | | | | | | | | | |

| Soalan | | Contoh jawapan | Markah |
|--------|------------------------------|--|-----------------|
| | (iii) | <p>Dua hikmat wuduk</p> <ul style="list-style-type: none"> - Membersihkan anggota yang terdedah dari kekotoran - Membentuk peribadi yang seimbang dari segi jasmani dan rohani - Melahirkan individu yang sentiasa beradab sopan - Menghapuskan dosa-dosa kecil - Menyegarkan minda dan tubuh badan - Jauh dari gangguan syaitan <p>Jawapan munasabah diterima</p> | 2 isi x 2m = 4m |
| (b) | (i) | <p>Maksud solat sunat Aidiladha</p> <ul style="list-style-type: none"> - Solat sunat dua rakaat yang ditunaikan pada pagi 10 Zulhijjah dan diikuti dengan dua khutbah | 1 isi x 2m = 2m |
| | (ii) | <p>Dua amalan sunat sebelum menunaikan solat sunat Aidiladha</p> <ul style="list-style-type: none"> - Menghidupkan malam raya dengan ibadat seperti takbir, solat Tahajjud dan baca al-Quran - Mandi sunat pagi raya - Memakai pakaian yang baru dan bersih - Memakai wangi-wangian bagi lelaki - Bermaaf-maafan dengan ibubapa dan keluarga - Bersarapan selepas solat - Pergi ke masjid sebaik-baiknya dengan berjalan kaki - Berwajah ceria dan senyum kepada setiap orang Islam yang ditemui - Banyak bersedekah | 2 isi x 1m = 2m |
| | (iii) | <p>Kepentingan takbir raya terhadap umat Islam</p> <ul style="list-style-type: none"> - Melahirkan kesyukuran kepada Allah - Meninggikan syiar Islam - Mengingatkan kita tentang kebesaran Allah - Memantapkan semangat perjuangan umat Islam <p>Jawapan munasabah diterima</p> | 1 isi x 2m = 2m |
| (c) | (i) (ii) (iii) (iv) | <p>Makruh Harus Haram Sunat</p> | 4isi x 1m = 4m |

| Soalan | | Contoh jawapan | Markah | |
|--------|------|--|--|--------------------|
| 5. | (a) | <p>Empat sifat mulia Saidatina Khadijah :</p> <ul style="list-style-type: none"> - Taat perintah Allah. - Berakhlak mulia. - Dermawan. - Sabar / tabah / cekal. - Penyayang. - Berwawasan. - Berfikiran kreatif. | 4 isi x 1m = 4m | |
| | (b) | <p>Dua keistimewaan Saidina Hamzah bin Abdul Motalib sebagai pejuang terbilang :</p> <ul style="list-style-type: none"> - Mendapat dua gelaran iaitu Asadullah dn Saiyidus Syuhada'. - Ketua pasukan peninjau. - Diamanahkan oleh Rasulullah SAW memegang panji- panji dalam peperangan. - Memegang peranan utama dalam setiap peperangan. - Keberanian / kecekalan / gagah. | 2 isi x 2m = 4m | |
| | (c) | (i) | <p>Maksud perjanjian Hudaibiah :</p> <ul style="list-style-type: none"> - Perjanjian damai yang ditandatangani di antara Rasulullah SAW dengan Musyrikin Quraisy yang membawa kepada gencatan senjata. | 1 isi x 2m = 2m |
| | | (ii) | <p>Dua hikmah Perjanjian Hudaibiah :</p> <ul style="list-style-type: none"> - Terhindar daripada pertumpahan darah antara orang Islam dengan Musyrikin Quraisy. - Perjanjian ini adalah faktor utama kepada pembukaan Kota Mekah. - Orang Islam dan Musyrikin Mekah bebas berinteraksi antara satu sama lain. - Orang Islam bebas menyebarkan dakwah Islamiah. - Ramai orang Quraisy telah memeluk Islam secara terang-terangan. | 2 isi x 2m = 4m |
| (d) | (i) | <p>Susunan ayat :</p> <ul style="list-style-type: none"> - P = 2 - Q = 4 - R = 6 | 3 isi x 1m = 3m | |
| | (ii) | <p>Susunan ayat :</p> <ul style="list-style-type: none"> - S = 1 - T = 3 - U = 5 | 3isi x 1m = 3m | |

| Soalan | | | Contoh jawapan | Markah |
|--------|-----|------|---|--------------------|
| 6. | (a) | (i) | Dua amalan yang menyalahi adab pergaulan dengan ahli keluarga. <ul style="list-style-type: none"> - Tutar kata kasar - Menyokong dan meredai perbuatan maksiat - Membiarkan mereka hidup susah - Tidak menghormati golongan yang lebih tua - Tiada kerjasama - Meninggalkan amalan nasihat menasihati - Iri hati dan hasad dengki - Buruk sangka - Memutuskan hubungan keluarga | 2 isi x 1m = 2m |
| | | (ii) | Dua usaha menjaga keharmonian keluarga <ul style="list-style-type: none"> - Ziarah-menziarahi - Memberi salam - Beradab ketika bercakap - Mengasihi yang lebih muda dan menghormati yang lebih tua - Nasihat menasihati - Bekerjasama dalam perkara kebaikan <p>Jawapan munasabah diterima</p> | 2 isi x 2m = 4m |
| | (b) | (i) | Sebab wajib beradab ketika beribadat kepada Allah <ul style="list-style-type: none"> - Ibadah diterima Allah - Membentuk keperibadian yang unggul - Mendapat ganjaran pahala - Dapat beribadah dengan khusyuk - Jiwa tenang | 1 isi x 2m = 2m |
| | | (ii) | Akibat sekiranya seseorang itu melakukan ibadat tanpa beradab. <ul style="list-style-type: none"> - Ibadah tidak sempurna - Ibadah menjadi sia-sia - Jauh dari rahmat Allah - Jiwa tidak tenang - Mudah terpengaruh dengan maksiat - Tidak dapat membentuk diri dan akhlak - Dipandang hina oleh masyarakat | 2 isi x 1m = 2m |
| | (c) | (i) | Dua adab yang perlu diamalkan semasa bertugas. <ul style="list-style-type: none"> - Dimulakan dengan basmalah - Menepati waktu bekerja - Memakai pakaian yang sesuai dan menutup aurat - Mematuhi segala arahan majikan - Bertolak ansur sesama pekerja - Bekerja dengan penuh tanggungjawab - Tidak meninggalkan ibadah fardu | 2 isi x 1m = 2m |

| Soalan | Contoh jawapan | Markah |
|--------|---|--|
| | <p>(ii) Dua sikap negatif yang mesti dielakkan semasa bertugas</p> <ul style="list-style-type: none">- Tidak menyiapkan tugas pada masa yang telah ditetapkan- Mementingkan diri sendiri- Tidak bekerjasama dengan rakan setugas- Mencuri tulang- Bekerja hanya untuk mendapat pujian- Lebih mementingkan keuntungan daripada kepentingan orang ramai. | 2 isi x 2m = 4m |
| | <p>(iii) Dua kelebihan terhadap individu yang bertanggungjawab semasa bertugas</p> <ul style="list-style-type: none">- Mendapat keberkatan /kerana mengikut perintah Allah- Pendapatan yang diperolehi menjadi halal/ kerana menepati syarak- Hasil kerja yang dilakukan akan mendapat faedah yang berpanjangan/ kerana kerja yang berkualiti- Mewujudkan suasana kerja yang selesa /kerana dapat mengelakkan pergaduhan- Mewujudkan hubungan baik/ antara pekerja dengan majikan- Sesuatu pekerjaan dapat dilaksanakan dengan sebaik mungkin/ kerana sentiasa patuh pada peraturan- Mewujudkan sikap bermuafakat / kerana saling bantu-membantu | 1 isi 1 huraian 2 isi x 2m = 4m |

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT